

**Najib Ziarah Jenazah Anggota Polis Pengiring, Sarjan Ibrahim
Bernama
29 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menziarah jenazah anggota polis pengiring bermotosikal, Sarjan Ibrahim Mat Husin yang meninggal dunia akibat komplikasi jantung di sini pagi Khamis.

Perdana Menteri tiba di Surau As-Saadah, Taman Keramat Permai dekat sini kira-kira pukul 10 pagi dengan disambut oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar.

Ibrahim, 51, merupakan anggota polis pengiring kepada Najib sejak 2009.

Sebelum ini Allahyarham pernah bertugas sebagai anggota polis pengiring kepada Tun Dr Mahathir Mohamad ketika beliau menjadi Perdana Menteri, dan kemudian kembali bertugas di Balai Polis Trafik Pudu selepas Dr Mahathir bersara.

Ibrahim meninggalkan balu Fakhriah Abdul Raof, 41, dan tiga orang anak berumur antara 14 dan 19 tahun.

Jenazah Ibrahim kemudiannya dibawa ke kampung halamannya di Sungai Kota, Parit Buntar, Perak untuk dikebumikan.

Fakhriah berkata Allahyarham tidak sedarkan diri selepas mengadu sesak nafas dan telah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur kira-kira pukul 6.40 pagi.

Beliau disahkan meninggal dunia kira-kira pukul 7.30 pagi.

"Dia (arwah) sebenarnya dalam tempoh bercuti rehat selama seminggu dan pernah dimasukkan ke hospital minggu lepas selama satu hari, disyaki mengalami bengkak pada jantung," katanya.

Rakan setugas Allahyarham, Koperal Raem Jani melahirkan rasa terkejut dengan kematian Ibrahim yang dikenalnya sejak 21 tahun lepas, semasa mereka bertugas dan menjadi anggota polis pengiring kepada Najib.

"Arwah seorang yang tegas dan cepat marah tetapi sekejap sahaja. Selain itu, arwah sebenarnya seorang yang suka bergurau," katanya.

Ketua Trafik Kuala Lumpur, ACP Rusli Mohd Noor berkata Allahyarham merupakan seorang anggota yang berdedikasi dalam menjalankan tugas.

---BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=616503>